

MIExpo 2013 sasar industri komersial teknologi

Serdang: Ekspo Inovasi Malaysia (MIExpo) 2013 bakal memperkenalkan 100 reka cipta, penyelidikan dan inovasi Universiti Putra Malaysia (UPM) serta beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) lain selama tiga hari, mulai esok.

Ekspo anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM itu menasarkan perhatian industri untuk mengkomersialkan teknologi yang dibangunkan oleh universiti.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Datuk Dr Mohd Saleh Jaafar, berkata pengisian program itu meliputi pembentangan hasil penyelidikan dan padanan perniagaan teknologi universiti berkenaan, serta perkongsian teknologi daripada industri pertanian.

"Inovasi dipamerkan merangkumi bidang pertanian dan maka-

nan, sains gunaan dan kejurutearan, biosistem dan bioteknologi, alam sekitar dan tenaga, perhutanan dan biodiversiti, sains halal dan pengurusan, sains dan teknologi bahan, sains matematik, teknologi maklumat dan komunikasi.

"MIExpo adalah penjenamaan semula pameran dan pertandingan yang sebelum ini dikenali sebagai Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Malaysia.

"Penjenamaan semula ini akan menjadi platform untuk mengumpulkan hasil reka cipta dari peringkat sekolah rendah hingga universiti yang memberi lebih tumpuan kepada kehendak pengunjung dalam kalangan masyarakat dan wakil industri," katanya.

Sebanyak 30 sekolah dari seluruh negara akan turut memper-

tandingkan inovasi pelajar dalam MIExpo 2013 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan MARA.

Pada majlis penutup nanti, program pelancaran Ladang dan Laman Bersepadu akan diadakan yang dijangka disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sesi padanan perniagaan

Bersempena pameran itu, Mohd Saleh berkata, MIExpo turut melancarkan baja Bio-cecair Bacto 10, iaitu produk komersial UPM keluaran syarikat PhytoGold yang mampu mempertingkatkan hasil tanaman.

"Lot jualan yang dijangka mendapat sambutan orang ramai ialah gerai hasil produk pertanian UPM seperti baja, anak pokok dan

rock melon.

"Buat kali pertama juga, sesi padanan perniagaan diadakan untuk mempelawa komuniti industri dan perniagaan melabur dalam teknologi yang dibangunkan di UPM.

"Gerai jualan usahawan Kementerian Pertanian dan hasil produk pertanian turut disediakan," katanya.

Selain pameran, orang ramai boleh mengunjungi gerai Edupark UPM yang menawarkan pakej menarik Edu-Pelancongan seperti Muzium Entomologi, Muzium Anatomi Haiwan, Muzium Anatomi Manusia, ladang ternakan rusa dan kambing, ladang tenusu serta Pusat Ekuin UPM.

Maklumat lanjut, hubungi sekretariat MIExpo 2013 di talian 03-8947 1254 atau layari laman web www.miexpo.upm.my.